



MAJLIS DAERAH SRI AMAN
KENYATAAN RE – TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **Majlis Daerah Sri Aman (MDSA), Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** yang masih sah dan berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** bagi perolehan kerja – kerja seperti berikut;

Bil.	No. Tender	Tajuk Tender	Syarat Pendaftaran UPKJ	Harga Jualan Dokumen Tender
1.	MDSA/BKJ/RE-T/LANSKAP/42/2022	MENAIKTARAF LANSKAP DI JALAN KAPITAN DAN JALAN MAIN BAZAAR, SRI AMAN	Kelas : D atau E Kepala : VI Sub Kepala : 5 (berdaftar dengan CIDB)	RM100.00/set (Yuran Dokumen tidak dikembalikan)

2. Dokumen Tender boleh diperolehi di **Bahagian Kejuruteraan** pada waktu pejabat (**ISNIN – KHAMIS : 8.00 pagi – 12.00 tengah hari & 2.00 petang – 3.15 petang**) dan **JUMAAT : 8.00 pagi – 11.30 pagi & 2.15 petang – 3.15 petang**) setelah pembayaran dilakukan untuk Yuran Dokumen (tidak dikembalikan) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat yang ditetapkan.

3. Kontraktor (Pemegang Lesen) atau wakil kontraktor dikehendaki membawa salinan asal seperti dibawah untuk tujuan pengesahan sebelum dokumen tender dikeluarkan;-

- a. **Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ dan Sijil Perakuan CIDB;**
- b. **Kad Pengenalan Pemegang Lesen atau Kad Pengenalan Wakil Syarikat** (wakil dikehendaki membawa surat perakuan daripada syarikat untuk pengesahan mengambil dokumen tender bagi pihak syarikat dan sesalinan Kad Pengenalan yang telah disahkan);
- c. **Profil Syarikat** termasuk maklumat **Plant dan Equipment serta Pengalaman Kontraktor** (dilampirkan sekali semasa menghantar dokumen tender sahaja);
- d. **Penyata Kewangan tiga (3) bulan terkini syarikat** (dilampirkan sekali semasa dokumen tender sahaja). Salinan dokumen di atas (**yang telah disahkan**) juga perlu dimasukkan sekali semasa dokumen tender semasa menghantar dokumen tender. Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Lembaga Tender boleh **MENOLAK** tawaran tender.

4. Dokumen Tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang diatasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **tarikh tutup, nombor dan tajuk tender** dan perlu dimasukkan ke dalam peti sebutharga beralamat seperti berikut;

SETIAUSAHA,
MAJLIS DAERAH SRI AMAN,
PETI SURAT 78,
95007 SRI AMAN

5. Tarikh akhir **MENGHANTAR / TUTUP** bagi dokumen Tender di atas adalah pada **10.11.2022 (KHAMIS) sebelum jam 12.00 tengah hari** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.
6. Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90 hari** dari selepas tarikh tutup.
7. Majlis Daerah Sri Aman (MDSA) tidak terikat untuk menerima **tawaran terendah atau mana – mana tawaran tender**.

Ruj.Kami : MDSA/100-16/1/1 Jilid.1(46)

Tarikh : 24.10.2022